

24 JUN 2002

Rafidah-Mahathir

JAWATANKUASA PENGURUSAN UMNO BERKOMPROMI DENGAN PM

KUALA LUMPUR, 24 Jun (Bernama) -- Jawatankuasa Pengurusan Umno telah berkompromi dengan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, kata Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri Datuk Seri Rafidah Aziz.

Jawatankuasa Pengurusan Umno telah berjumpa dengan Dr Mahathir di Putrajaya kelmarin sebelum beliau berlepas ke Eropah untuk bercuti.

"Cukuplah kalau saya katakan bahawa apa yang kita persetujukan antara PM dan jawatankuasa pengurusan ialah bahawa kita menseimbangkan antara hasrat Datuk Seri Dr Mahathir untuk berhenti lepaskan jawatan dan membantu parti sebagai ahli biasa daripada peringkat bawah dengan hasrat kita untuk beliau terus menerajui negara ini dalam bidang politik sebagai presiden Umno, Perdana Menteri dan Barisan Nasional," kata Rafidah.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas pelancaran laporan perdagangan dan industri antarabangsa Malaysia 2002, di sini, hari ini.

Rafidah berkata Dr Mahathir tidak akan meninggalkan parti tetapi akan membantu parti dan berkerja kuat untuk parti dan kerajaan.

"Jadi dalam nak seimbangkan dua ini jelaslah bahawa ada tolak ansur antara kami dan satu kompromi telah pun dicapai. Dan inilah yang akan kita dikemukakan kepada majlis tertinggi besok untuk dibahaskan...sama ada ini kompromi yang baik ataupun kita tidak mahu terima kompromi ini...terpulang kepada majlis tertinggi," katanya.

Bagaimanapun, Rafidah berkata tidak wajar untuk beliau mengumumkan butiran terperinci kerana ia belum dibahaskan lagi.

-- BERNAMA